



**DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM
PENGAL 4 SEMESTER 2 2008**

PEPERIKSAAN PENGAL KEEMPAT

**WD 7013 : SEJARAH & TAMADUN ISLAM I
KERTAS 2**

Tarikh: 14 Dis 2008

Masa: 10.00 – 11.00 pagi

Nama : Nurul Fadiah Johani

No. Matrik : 001-021-2008

MUKA DEPAN

ARAHAN KEPADA CALON

1. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.
2. Tuliskan nama dan nombor matrik anda dengan jelas pada tempat yang telah disediakan. Tuliskan juga nama anda pada setiap kertas jawapan anda.
3. Untuk kertas ini, anda **TIDAK BOLEH** merujuk kepada buku atau nota. Baca setiap soalan dengan teliti dan jawab dengan baik mengikut apa yang dikehendaki.
4. Terdapat tiga (3) soalan di dalam kertas ini. Anda dikehendaki menjawab hanya **dua (2)** soalan sahaja.
5. Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.
6. Kertas soalan ini mengandungi dua (2) muka surat (termasuk muka depan)

Soalan	Markah Penuh	Markah Dapat
1	25	25
2	25	
3	25	25
Jumlah	50	50
T. Tangan Pemeriksa:		
T. Tangan Penyemak:		

Jawab dua soalan sahaja. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Sepertimana yang telah anda pelajari tentang piagam Madinah yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. Berikan definisi ummah sepertimana yang dinyatakan dalam piagam tersebut (5 markah) serta huraikan sejarah pembentukan ummah dan kaitannya dengan politik Islam di Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w. (20 markah).
2. Islam telah tersebar dengan pesatnya dan telah menguasai dari barat Afrika hingga ke negara Cina pada zaman kegemilangannya. Huraikan bentuk-bentuk pemerintahan negara-negara Islam bagi tiga zaman, zaman Abbasiyyah, zaman Islam di India dan zaman Islam ni Cina.
3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi Islam? (5 markah)

(b) Bincangkan sumber ekonomi Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. dan Khulafa' al-Rasyidin (20 markah).

Jawapan No : 1

Menurut Piagam Madinah, konsep ummah dapat difahamkan sebagai masyarakat yang menetap di Madinah, yang berbilang suku dan agama. Masyarakat muslimin terbahagi kepada kaum Muhajirin yang telah berhijrah dari Makkah, dan kaum Ansar yang merupakan kaum asal Madinah.

Dalam konteks ini, ummah juga merangkumi golongan yang tidak memeluk agama Islam, seperti kaum Yahudi. Ini jelas bahawa konsep ummah pada masa itu menghimpunkan kepada semangat toleransi untuk membentuk ummah yang harmonis.

Pembentukan ummah amat berkait rapat dalam pembaharuan politik Islam. Ini kerana untuk mencapai kestabilan politik, masyarakat dan seharusnya bersifat bersepadu dan harmonis untuk mengelakkan daripada tercetusnya perbalahan antara kaum. Persaudaraan sesama ummah terjalin bukan sahaja atas perikatan kekeluargaan, malah dari segi agidah dan agama, yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat muslimin secara keseluruhan. Ini merupakan satu cara yang telah dikemukakan dan dikuatkuasakan oleh Rasulullah s.a.w sendiri, sebagai pemimpin masyarakat Islam pada masa itu. Baginda telah menunjukkan semangat persaudaannya dengan para sahabat seperti Abu Bakar dan Umar Al-Khattab, dan justeru menggalakkan semangat ini sesama pengikutnya.

Nama Pelajar : Nurul Fadiah.

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 1

Pembentukan masyarakat amat jelas dalam usaha Nabi Muhammad s.d.w untuk mempersaudarakan kaum Muhajirin dan kaum Ansar. Baginda telah menekankan bahawa mereka tidak seharusnya memandang kepada perbezaan dari pertalian darah, tetapi mengutamakan persaudaraan dari sudut agidahnya. Baginda telah mengajak mereka untuk saling bantu-membantu. Kaum Ansar telah digalakkan untuk membantu saudara Muhajirin mereka yang telah kehilangan banyak harta dan sandara-mata mereka dalam proses Hijrah. Memandangkan mereka amat mahir dalam sektor pertanian, ramai golongan Muhajirin dibenarkan peluak untuk memulakan perniagaan di kota Madinah untuk membantu mereka membina kehidupan baharu. Kaum Ansar pula lebih mahir dalam bidang pertanian, memandangkan tanah kota Madinah itu amat subur. Pembahagian tugas dan tanggungjawab antara kaum Ansar dan Muhajirin menunjukkan bahawa mereka dapat saling bekerjasama untuk mempertingkatkan ekonomi dan justeru memakmurkan kota Madinah.

Persaudaraan yang terjalin antara kaum Ansar dan Muhajirin juga amat penting dalam proses penyatuan ummah di Madinah, yang sebelum ini amat berpecah-belah. Dalam Pidgam Madinah, Rasulullah juga telah menetapkan

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 1

untuk menghormati masyarakat bukan Islam juga, seperti masyarakat Yahudi. Mereka diberikan kebebasan untuk mengamalkan agama dan budaya masing-masing, dan tidak dianggap sebagai musuh Islam, hanya kecuali jika mereka menzalimi golongan Mukminin. Dengan ini, masalah-masalah perkauman dapat diatasi dan justeru dapat membantu mencapai kestabilan politik.

Konsep musyawarah juga ditekankan dalam pembertukhan ummah. Dengan mengadakan perundingan secara diplomatik, masalah-masalah, terutama yang berkendak dengan perbezaan kaum, dapat diselesaikan dengan lebih berkesan. Piagam Madinah juga menekankan pada proses pondamain, dan bagaimana masyarakat Islam seharusnya menerima apkan pihak musuh untuk mengadakan perundingan, kedamaian. Ini juga jelas menunjukkan sikap ummah Islam yang terbuka, pemaaf dan diplomatik. Ini juga amat penting dalam membangun politik negara ke arah kestabilan.

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3.

(a) Ekonomi Islam berdasarkan tiga sudut utama: *hukubiyah* (ketuhanan), *tazkiyah* (penyucian) dan *kemasyarakatan*; atau kemakmuran bumi Allah s.w.t secara keseluruhan.

Dari sudut *hukubiyah*, ekonomi merupakan sebuah perantaraan yang telah disediakan oleh Allah s.w.t untuk benar-benar memanfaatkan segala apa yang diciptakannya di Bumi ini dengan sebaik mungkin. Konsep *tazkiyah* mengajak manusia untuk menyucikan diri daripada sikap kedekut dan untuk mensyukuri nikmat pemberian Allah dengan membahagikannya kepada ummah secara adil, agar kita dapat bersama-sama menikmati pemberian Allah. Ekonomi Islam mementingkan hak individu untuk meraih kesenangan di dunia, tetapi pada masa yang sama, mengahipurkan kemakmuran ummah secara menyeluruh. Namun, orang Islam semestinya akur bahawa kebenaran ini semua asalnya hak milik Allah dan justeru harus dimanfaatkan ke jalamnya.

(b) Sumber ekonomi Islam yang formal dan lebih berstruktur diperkenalkan dan diperkembangkan semasa zaman *Khulafa' Al-Rasyidin*. Semasa zaman Rasulullah, ekonomi Islam telah dikembangkan melalui perniagaan dengan negara-negara luar, tetapi tidak ~~puta~~ mempunyai

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3

institusi yang formal untuk menjalankan proses-proses kewangan.

Semasa zaman Khalifah Umar Al-Khattab, sebuah institusi kewangan yang mengemukakan sistem-sistem pengumpulan kewangan dan penggunaan wang untuk negara telah ditubuhkan, yang bernama Baitul Mal. Ia berfungsi seperti sebuah bank yang menyumpul cukai-cukai negara ~~ya~~ dan bertanggungjawab untuk mengemukakan harta awam dan harta umum.

Harta awam ini termasuk cukai-cukai seperti jizyah (cukai perlindungan), kharaj (cukai tanah), zakat (cukai harta individu), usyur (cukai pertanian), al-fay (tanah yang dirampas tanpa perang) dan ghanimah (tanah yang dirampas sewaktu perang).

Harta yang dikumpulkan menerusi cukai-cukai ini menjadi harta awam, yang telah digunakan untuk perbelanjaan pertahanan atau untuk membina infrastruktur penting seperti jalanraya.

Cukai-cukai seperti jizyah dan kharaj pada mulanya hanya dikenakan kepada golongan yang bukan muslim, kerana telah diberikan perlindungan di tanah

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Jawapan No : 3

Islam. Namun pada zaman Bani Umayyah, cukai itu telah dikenakan kepada masyarakat Islam juga.

Zakat pula dikhasakan kepada orang Islam sahaja, pada kadar 2.5% pada harta-harta yang tertentu.

Harta individu pula datang dari perniagaan-perniagaan privat, serta pekerjaan-pekerjaan yang diberikan gaji.

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____